

**Persetujuan BN Pusat Perlu Untuk Parti Baharu Sertai BN Sarawak - Taib Bernama
10 Sept, 2013**

KUCHING, 10 Sept (Bernama) -- Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata sebarang permohonan daripada lima parti politik baharu berpangkalan di Sarawak untuk menyertai Barisan Nasional (BN) perlu mendapat persetujuan sebulat suara BN pusat.

Taib yang juga Pengerusi BN Sarawak berkata bukan beliau yang akan membuat keputusan sekiranya parti-parti yang baharu didaftarkan - Parti Tenaga Rakyat Sarawak (Teras), Parti Bumi Kenyalang (PBK), Parti Bansa Dayak Sarawak Baru (PBDS Baru), Parti Ekonomi Rakyat Sarawak Bersatu (PERSB) dan People's Alliance for Justice of Peace (Peace Party-Sarawak) - mahu menyertai BN negeri.

"Soal itu perlu diputuskan oleh pusat semasa mesyuarat BN pusat dengan semua 13 parti komponen dan keputusannya bergantung pada keputusan sebulat suara mereka (untuk menerima atau menolak)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Budaya Melayu Sarawak 2013, anjuran Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak, di sini.

Beliau ditanya sekiranya ada ruang dalam BN negeri untuk menerima parti-parti politik baharu, termasuk PBDS Baru dan Teras, yang telah mengisytiharkan bahawa mereka menyokong BN.

"Terserah kepada mereka untuk memohon," katanya, tetapi tidak mendedahkan jika sebarang permohonan untuk menjadi anggota komponen BN diterima setakat ini daripada lima parti itu, yang merupakan antara 20 parti politik baharu diluluskan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) pada 24 Ogos tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa penaja PBDS Baru, Louis Jarau berkata PBDS yang lama tidak pernah disingkirkan daripada BN tetapi dibatalkan pendaftarannya oleh ROS manakala Teras dikatakan ada hubung kait dengan Kumpulan Lima (G5), bekas pemimpin Parti Progresif Demokratik Sarawak (SPDP) yang dipecat parti.

PERSB, yang mempunyai hubung kait dengan para usahawan pertanian, meletakkan 15 calon Bebas pada pilihan raya negeri 2011 tetapi kesemua mereka hilang deposit.

Parti Bumi Kenyalang dan Peace Party, masing-masing ditubuhkan sekumpulan ahli politik Cina dan Dayak.

Terdahulu, pada majlis itu, Pengerusi Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak Tan Sri Adenan Satem berkata masyarakat Melayu di seluruh Sarawak akan sentiasa memberikan sokongan mereka kepada Taib, yang juga presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB).

Masyarakat Melayu di Sarawak dianggap sebagai penyokong kuat BN sepertimana dilihat daripada kemenangan 100 peratus BN di kawasan Bumiputera Melayu yang diwakili PBB dalam pilihan raya Parlimen dan negeri.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=976693>

